

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) apakah status terkini dan kesan penambahan penerbangan domestik pada musim perayaan bagi laluan Sibu-Kuala Lumpur, Sibu-Johor dan sebagainya untuk mengurangkan beban rakyat memandangkan harga tiket penerbangan melambung tinggi pada musim perayaan; dan
- (b) apakah langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan jika penerbangan tambahan laluan-laluan ini masih tidak dapat mengatasi masalah harga tiket mahal.

**JAWAPAN:**

Yang Dipertua,

- 1) Untuk makluman Yang Berhormat, sejajar dengan keputusan yang diumumkan pada September 2018 selepas perbincangan antara Kementerian Pengangkutan dengan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia, bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan bagi laluan Sibul-Kuala Lumpur, Sibul-Johor dan sebagainya, syarikat-syarikat penerbangan negara telah mengambil langkah untuk meningkatkan kapasiti penerbangan.
- 2) Syarikat penerbangan AirAsia Berhad akan meningkatkan kekerapan penerbangan domestik untuk tempoh musim perayaan Tahun Baru Cina 2019 bermula 30 Januari hingga 11 Februari 2019 bagi laluan-laluan seperti berikut:

Laluan	Kekerapan Sedia Ada (Seminggu)	Kekerapan Tambahan (Seminggu)
Johor Bahru – Sibul	10x	7x
Johor Bahru – Ipoh	4x	7x
Johor Bahru – Kota Kinabalu	18x	7x

**NO. SOALAN : 21**

Johor Bahru – Kuching	24x	7x
Kuala Lumpur – Kota Kinabalu	109x	14x
Kuala Lumpur – Sibu	42x	14x
Kuala Lumpur – Kuching	91x	7x
Kuala Lumpur – Pulau Pinang	102x	21x
Kuala Lumpur – Miri	42x	14x
Kuala Lumpur – Kuching	91x	14x

- 3) Manakala Malindo Air dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) memaklumkan bahawa pihaknya akan mengemukakan permohonan penerbangan tambahan pada pertengahan bulan November 2018.

- 4) Berdasarkan pemantauan berkala Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) terhadap tambang penerbangan domestik untuk perayaan Tahun Baru Cina 2019 (30 Januari – 11 Februari 2019), memandangkan kesemua penerbangan tambahan AirAsia Berhad yang telah diluluskan oleh MAVCOM masih belum lagi dibuka penjualan tiketnya dan perancangan Malindo Air dan MAB untuk meningkatkan kekerapan penerbangannya hanya akan bermula pertengahan November 2018, pengurangan harga tambang penerbangan domestik masih belum dapat dinikmati oleh penumpang.
- 5) Dalam hubungan ini, pihak MAVCOM akan terus membuat pemantauan terhadap penambahan penerbangan domestik pada musim perayaan dan kesannya terhadap pengurangan harga tambang.
- 6) Untuk makluman Yang Berhormat, mesyuarat berhubung isu harga tambang penerbangan domestik musim perayaan yang diadakan pada September 2018 antara Kementerian Pengangkutan dan syarikat-syarikat penerbangan telah memutuskan supaya pihak MAVCOM membuat pemantauan berhubung pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan dan meneliti impak pelaksanaan kaedah interim ini (iaitu penambahan penerbangan domestik pada musim perayaan). Sekiranya, kaedah ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, maka pihak Kementerian akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan/atau harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik.
- 7) Suatu kajian komprehensif berkenaan isu ini telah disiapkan baru-baru ini oleh MAVCOM dan laporan teknikal yang lengkap dapat diakses oleh orang awam melalui pautan berikut:

<https://www.mavcom.my/wp-content/uploads/2018/08/180813-Laporan-Teknikal-Tambang-Udara-Domestik-Semasa-Musim-Puncak-Ogos-2018.pdf>